

PENDEKATAN METODOLOGI IMAM AL-SHAHRASTANI BERDASARKAN KITAB AL-MILAL WA AL-NIHAL TERHADAP PEMBENTUKAN HUBUNGAN ANTARA AGAMA MASYARAKAT: SATU ANALISIS

METHODOLOGICAL APPROACH: IMAM AL-SHAHRASTANI ON THE BOOK OF AL-MILAL WA AL-NIHAL TOWARDS THE FORMATION OF RELATIONSHIPS BETWEEN RELIGIOUS COMMUNITIES: AN ANALYSIS

Siti Muliani Abdul Ghani^{1*}
Azarudin Awang²
Hamizah Muhammad³
Mohd Ariff Mohd Daud⁴

¹Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Dungun Branch, Malaysia
Email: ctmuliani19@gmail.com; <https://orcid.org/0009-0005-6163-9689>

²Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Dungun Branch, Malaysia
Email: azaru154@uitm.edu.my; <https://orcid.org/0000-0003-3341-9695>

³Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Dungun Branch, Malaysia
Email: hamizahmuhammad@uitm.edu.my; <https://orcid.org/0000-0002-0337-0854>

⁴Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Dungun Branch, Malaysia
Email: ariffdaud@uitm.edu.my; <https://orcid.org/0000-0003-1735-3008>

Article history

Received date : 5-8-2026
Revised date : 6-8-2026
Accepted date : 12-9-2026
Published date : 17-9-2026

To cite this document:

Abdul Ghani, S. M., Awang, A., Muhammad, H., & Mohd Daud, M. A. (2026). Pendekatan metodologi Imam al-Shahrastani berdasarkan kitab al-Milal wa al-Nihal terhadap pembentukan hubungan antara agama masyarakat: Satu analisis. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (86), 50 – 59.

Abstrak: *Kitab Al-Milal Wa Al-Nihal adalah karya agung yang dijadikan rujukan dalam bidang akidah, terutamanya dalam perbahasan perbandingan agama dan pemikiran Islam. Namun, kajian pendekatan metodologi yang digunakan al-Shahrastani secara khusus masih kurang dibahaskan secara meluas. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis pendekatan metodologi al-Shahrastani dalam Al-Milal wa Al-Nihal serta menilai sumbangan karya ini terhadap hubungan antara agama yang berbeza dalam masyarakat. Kajian ini merupakan kajian literatur atau bibliografi yang menggunakan pendekatan kualitatif secara deskriptif terhadap artikel ilmiah, jurnal dan buku yang berkaitan dengan tajuk kajian ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa al-Shahrastani mengaplikasikan beberapa kaedah metodologi dalam menghuraikan kepelbagaian aliran kepercayaan agama, secara pendekatan deskriptif yang komprehensif, klasifikasi yang sistematik dan perbandingan agama yang mendalam. Kitab Al-Milal wa Al-Nihal adalah karya yang patut dirujuk kerana ia tidak menunjukkan kecenderungan berat sebelah dalam membentangkan hubungan antara pelbagai aliran agama dan aliran falsafah dalam masyarakat. Justeru, metodologi yang dikemukakan oleh Al-*

*Shahrastani melalui karyanya ini memberi sumbangan yang cukup signifikan dalam pembentukan hubungan antara agama yang lebih harmoni dalam masyarakat. Kajian lanjutan dicadangkan untuk memperlihatkan pendekatan metodologi yang digunakan karya-karya lain seperti *Al-Iqtisad fi al-I'tiqad* dan sebagainya agar menyumbang kepada pembentukan kerangka pemahaman hubungan antara agama masyarakat.*

Kata Kunci: *Al-Milal Wa Al-Nihal, Al-Shahrastani, Hubungan Antara Agama, Metodologi*

Abstract: *Kitab Al-Milal Wa Al-Nihal is a great work that is used as a reference in the field of faith, especially in the debate on comparative religion and Islamic thought. However, the study of the methodological approach used by Al-Shahrastani is still not widely discussed. This study aims to analyze Al-Shahrastani's methodological approach in Al-Milal wa Al-Nihal and evaluate the contribution of this work to the relationship between different religions in society. This study is a literature or bibliographic study that uses a qualitative descriptive approach to scientific articles, journals, and books related to the topic of this research. The results of the study show that Al-Shahrastani applies several methodological methods in describing the diversity of religious belief systems, using a comprehensive descriptive approach, systematic classification, and in-depth religious comparison. Kitab Al-Milal wa Al-Nihal is a work that is worth referring to because it does not show bias in presenting the relationship between various religious and philosophical schools in society. Therefore, the methodology presented by Al-Shahrastani through his work makes a significant contribution to the formation of more harmonious inter-religious relationships in society. Further research is proposed to demonstrate the methodological approach used in other works, such as *Al-Iqtisad fi al-I'tiqad* and others, in order to contribute to the formation of a framework for understanding the relationship between religions in society.*

Keywords: *Al-Milal Wa Al-Nihal, Al-Shahrastani, Methodology, Relations Religions*

Pengenalan

Imam al-Shahrastani sangat terkenal dalam sektor perbandingan agama dan falsafah, dalam membentuk hubungan yang harmoni antara agama walaupun berbeza daripada segi budaya dan kepercayaan. Kemasyhuran beliau lebih terserlah pada zaman pertengahan dengan penghasilan banyak karyanya yang boleh didapati di perpustakaan seluruh dunia, terutamanya kitab *Al-Milal wa al-Nihal*. Menurut Sabjan dan Mat Akhir (2015), kitab *al-Milal wa al-Nihal* adalah sebuah karya yang membincangkan semua mazhab Muslim dan bukan Muslim serta beberapa pendirian falsafah secara relevan dengan peredaran zaman tanpa sebarang penghinaan. Beliau turut menawarkan banyak pendekatan dalam karyanya untuk membina dan memantapkan kefahaman tentang kepelbagaian agama, mazhab dan kepercayaan di Malaysia. Walaupun *Al-Milal wa al-Nihal* sering dijadikan rujukan utama dalam bidang pemikiran akidah dan perbandingan agama, kajian literatur mendapati wujudnya kelompongan dalam perbincangan ilmiah yang mendorong kepada kaedah pendekatan metodologi yang diaplikasikan oleh al-Shahrastani. Kebanyakan penyelidikan sedia ada cenderung untuk menjelaskan hanya satu subtema sahaja daripada kitab tersebut.

Misalnya, Dain Yunta (2024) menggambarkan perbincangan tentang Ahli Kitab dalam kitab *Al-Milal wa al-Nihal*. Terdapat perbincangan melibatkan perbezaan pendapat dan batasan yang dimaksudkan dengan ahli kitab. Manakala, Maulana et al. (2023) menyatakan perbincangan melibatkan kerangka teologi Yahudi dengan Islam dalam kitab *Al-Milal wa al-Nihal*. Huraian

yang dikemukakan tentang Yahudi adalah secara terbuka, memandangkan Islam dan Yahudi mempunyai hubungan yang rapat dan sering berkait antara satu sama lain. Mirzo (2025) pula menjelaskan bahawa sikap toleransi terhadap agama ialah objektif utama dalam karya al-Shahrastani mempelajari agama dan mazhab selain Islam. Sikap toleransi yang diaplikasikan memperlihatkan beliau seorang yang bergantung pada akal untuk membuat keputusan terhadap sesebuah kepercayaan yang bercanggah. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis pendekatan metodologi yang diaplikasikan oleh Imam al-Shahrastani dalam Al-Milal wa al-Nihal serta menilai sumbangan karya ini terhadap hubungan antara agama yang berbeza dalam masyarakat. Pengenalpastian setiap pendekatan dalam kitab ini turut berupaya memberi gambaran yang lebih jelas dalam konteks metodologi pemikiran agama.

Metodologi Kajian

Kajian ini berasaskan pendekatan kualitatif dengan menggunakan kajian kepustakaan berdasarkan kajian-kajian lepas, memandangkan pendekatan ini paling sesuai untuk memahami secara mendalam pendekatan metodologi yang digunakan al-Shahrastani dalam menghuraikan Kitab Al-Milal wa Al-Nihal. Bahan yang digunakan, terdiri daripada sumber-sumber primer dan sekunder berkaitan dengan kitab Al-Milal wa Al-Nihal dikumpulkan. Sumber-sumber ini meliputi kitab-kitab asal dalam pelbagai bahasa, artikel, jurnal, tesis, disertasi serta buku berkaitan kajian ini. Seterusnya, dalam menjalankan analisis dokumen dan tinjauan literatur ini, beberapa pangkalan data elektronik telah digunakan bagi mendapatkan bahan rujukan seperti Google Scholar, Scopus dan Science Direct. Sumber-sumber ini dikumpul dan diperolehi bagi memastikan metodologi kitab ini dapat dinilai secara menyeluruh. Pendekatan ini bertujuan untuk mengenal pasti dengan tepat bagaimana pendekatan metodologi al-Shahrastani digunakan dalam menghuraikan tentang kepelbagaian hubungan antara agama secara sistematik.

Dapatan dan Perbincangan

Biografi Imam Al-Shahrastani

Nama penuh beliau ialah Abu al-Fath Muhammad ibn 'Abd al-Karim al-Shahrastani. Ia digelar dengan nama panggilan al-Shahrastani, al-Imām (pemimpin), al-Allamah (yang berilmu), al-Afdal, (orang yang paling berjasa) atau Taj al-Millah wa al-Din (Mahkota Masyarakat Islam serta Agama) (Latief, 2005; Sabjan, 2022). Dilahirkan di sebuah perkampungan kecil di Utara, Khurasan atau kini dikenali dengan panggilan Turkmenistan pada 479H bersamaan 1086M dan menghembuskan nafas terakhir pada bulan Sya'ban 548 H bersamaan 1153M pada umur beliau 70 tahun (Mustafa, 2010; Asy-Syahrastani et al. 2025). Perjalanan hidup beliau sejak dari kecil dilihat sebagai seorang yang cinta akan ilmu pengetahuan tanpa mengenal erti penat lelah. Di samping menuntut ilmu pengetahuan beliau turut aktif melakukan pengembaraan ke pelbagai daerah sepanjang kehidupannya. Hal ini jelas dapat dilihat Imam al-Shahrastani memulakan awal pengembaraan pengajiannya ke Nishapur kemudian ke Khwarazm selama 10 tahun untuk mempelajari hadis, fiqh dan falsafah. sewaktu berumur 30 tahun Imam al-Shahrastani telah pergi menunaikan haji dan setelah selesai menunaikan ibadah haji beliau terus ke Baghdad serta menetap di sana selama 3 tahun (Latief, 2005; Ruslan & Rosana, 2020).

Sewaktu di Baghdad beliau ditawarkan jawatan menjadi pensyarah di Universiti Nizamiyyah yang merupakan salah sebuah universiti terbaik di Baghdad ketika itu. Khidmat beliau semakin diktiraf apabila telah dilantik ke jawatan naib cancellor (na'ib Diwan al-Rasa'il) hasil daripada sokongan sahabat beliau, Nasir al-Din Abu'l Qasim Mahmud b. al-Muzaffar al-Marwazi yang merupakan menteri ketika itu (Latief, 2005; Sabjan & Mat Akhir, 2015; Sabjan, 2022). Imam al-Shahrastani mempelajari ilmu daripada ramai guru dan sebahagian gurunya merupakan

murid kepada tokoh ulama yang masyhur. Antara guru-guru beliau adalah Abu al-Qasim Salman b. Nasir al-Ansari (412H / 1118M), Abu al-Hasan 'Ali b. Ahmad al-Madini (494H / 1100M), Abu al-Muzaffar Ahmad b. Muhammad al-Khwafi (500H / 1106H) dan Abu Nasr 'Abd al-Rahim b. Abi al-Qasim 'Abd al-Karim al-Qushayri (514H / 1120M) dan banyak lagi (Wan Razali, 2020; Sabjan, 2022).

Antara karya beliau yang telah dihasilkan dalam pelbagai bidang ilmu untuk rujukan dan pembacaan masyarakat adalah kitab *Nihāyah al-Iqdām fī Ilm al-Kalām*, *Al-Milal Wa al-Nihāl*, *Muṣāra'ah al-Falāsifah*, *Ghāyat al-Murām fī Ilm al-Kalām*, *Al-Irshād Ilā Aqā'id al-'Ibād*, *Tārikh al-Ḥukamā'*, *Talkhīs al-Aqsām Li Madhāhib al-Anām*, *Daqā'iq al-Awhām*, *Al-Manāhiḡ wa al-Āyāt* dan *Majālis Maktūba*. Penulisan karyanya yang pelbagai bidang memperlihatkan bahawa beliau adalah seorang intelektual Muslim yang berkepakaran dalam banyak bidang penulisan. Namun, Menurut Asy-Syahrastani et al. (2025) menjelaskan bahawa daripada keseluruhan hasil karya al-Shahrastani hanya dua buah kitab yang betul-betul dicetak dan menjadi rujukan masyarakat sehingga hari ini iaitu *Nihāyah al-Iqdām fī Ilm al-Kalām* dan *Al-Milal Wa al-Nihāl*.

Oleh itu, beliau merupakan seorang ulama terkenal pada abad ke-12 membentangkan tentang kerangka setiap aliran agama dan falsafah secara adil menerusi sebuah karya agung yang bertajuk *Al-Milal wa al-Nihāl* (Tuan Mohd Zawawi et al., 2022; Haif et al., 2025). Bukan itu sahaja, beliau juga merupakan antara salah seorang tokoh yang turut mendapat pujian mempunyai keperibadian terbaik oleh tokoh barat seperti Albert Jeom dan Karady (Mohd Faizal et al., 2015). Pengkaji memilih kitab *Al-Milal wa al-Nihāl* sebagai perbincangan kajian ini kerana kitab ini mengfokuskan pada perbincangan kepelbagaian hubungan agama, mazhab dan pemikiran berbanding kitab-kitab beliau yang lain.

Pengenalan Kitab Al-Milal Wa Al-Nihāl

Kitab ini dinamakan dengan *Al-Milal wa Al-Nihāl*, rentetan daftar isi kandungan penulisan yang dihasilkan secara sistematik oleh Imam al-Shahrastani. Dain Yunta (2024) menjelaskan bahawa penepatan tajuk tersebut kerana, *Al-Milal* merupakan perkataan jama' daripada 'al-Milla'h' yang bermaksud agama tau kepercayaan yang masih berlandaskan pada Nabi dan Rasul, manakala *Al-Nihāl* pula perkataan jama' dari 'al-Nihlah' yang merujuk kepada mazhab, aliran pemikiran dan kepercayaan (Wan Razali, 2020). Karya penulisan ini mula dihasilkan sekitar 1127–1128 CE sebagai sebuah kitab yang sistematik tentang pluralisme agama dan pemikiran manusia (Haif et al., 2025). Selain itu, kitab ini turut dikenali dengan 'Book of Religious and Philosophical Sects' dan telah diterjemahkan secara meluas ke dalam beberapa bahasa seperti Inggeris, Melayu Indonesia, Perancis, Turki, Parsi dan Jerman untuk rujukan tentang kepercayaan dan agama (Mohd Faizal et al., 2015; Ruslan & Rosana, 2020).

Karya *Al-Milal wa al-Nihāl* ini memperlihatkan bahawa ia mempunyai pengaruh yang besar terhadap dunia Islam dan Barat. Hal ini kerana maklumat yang disajikan dalam kitab tersebut secara langsung daripada sumber asli, metodologi serta pandangan yang diperoleh daripada setiap kumpulan agama (Haif et al., 2025; Asy-Syahrastani et al., 2025). Usaha perbincangan di dalam kitabnya dilihat secara adil dan tidak berpihak-pihak kepada sebarang agama atau kepercayaan dalam setiap ulasan beliau. Menurut Sabjan (2022) al-Shahrastānī hanya berniat untuk memaklumkan tentang penjelasan sejarah kepercayaan amalan agama semua umat Islam, golongan bukan Islam, dan beberapa tokoh falsafah terkenal pada zamannya sebagai sama rata tanpa perlu kepada sebarang kritikan. Oleh itu, karya *Al-Milal Wa Al-Nihāl* masih relevan

sehingga kini untuk rujukan kajian melibatkan perbandingan antara agama dan persejaraan Islam.

Kitab ini dibahagikan kepada beberapa bab dan bahagian perbincangan. Begitu juga, susunan setiap tajuk perbincangan secara berstruktur serta mempunyai kesinambungan dengan tajuk-tajuk berikutnya. Setiap permulaan bab turut dijelaskan dengan definisi yang komprehensif tentang mazhab atau agama sebelum menjelaskan lebih lanjut perbincangan seterusnya (Haif et al., 2025). Bahagian pertama menjelaskan penduduk dunia secara umum, keraguan yang timbul dalam kalangan pemeluk agama, aliran dan umat Islam. Bahagian seterusnya, tentang umat Islam melibatkan Iman, Islam dan Ihsan, penerangan tentang Mu'tazilah, Jabbariyyah, Şifātiyyah, Khawārij dan lain-lain ke dalam sub-kumpulan dengan penerangan dan ilustrasi yang lebih terperinci menjadikannya tujuh puluh tiga kumpulan mazhab Muslim (Maulana et al., 2023). Golongan yang menerima kitab-kitab wahyu melibatkan Yahudi dan Kristian, Ahli-ahli Falsafah, bangsa Arab Jahiliyah, bangsa India serta bangsa-bangsa lain (Wan Razali, 2020; Sabjan, 2022; Asy-Syahrastani et al., 2025). Perkara ini jelas mencerminkan kecerdasan seorang Imam al-Shahrastani dalam membincangkan kepercayaan agama lain dan idea intelektual mereka.

Pendekatan Metodologi Imam Al-Shahrastani

Berdasarkan analisis pengkaji tiga pendekatan metodologi secara khusus yang dapat dikenal pasti oleh pengkaji diaplikasikan oleh Imam al-Shahrastani dalam kitabnya Al-Milal wa al-Nihal iaitu menerusi metod deskriptif yang komprehensif, metod klasifikasi secara sistematik dan metod perbandingan agama. Ketiga-tiga pendekatan diaplikasikan oleh Imam al-Shahrastani saling melengkapi dalam membentuk kerangka hubungan antara agama dan masyarakat majmuk yang harmoni di sesebuah negara.

Pendekatan Metod Deskriptif Komprehensif

Imam al-Shahrastani mengaplikasikan pendekatan metod deskriptif secara menyeluruh dan objektif dalam naratif Al-Milal wa Al-Nihal. Mustafa (2010) menyokong bahawa kaedah deskriptif al-Shahrastani dalam menjelaskan pendapat mazhab Islam telah menjadikan karyanya sangat berharga dalam dunia heresiografi Islam. Meskipun bermazhab Asy'ariyah, beliau tetap berpegang teguh untuk menyeimbangkan kepercayaan setiap kumpulan agama dan falsafah antara akal dan wahyu secara adil. Hal ini jelas dapat dilihat dalam karyanya; beliau menyatakan bahawa beliau akan komited untuk menahan diri daripada menimbulkan pertikaian mengenai perbezaan dalam agama, sama ada betul atau salah akidah seseorang. Dalam Al-Milal wa-n-Nihal, jika diteliti, pegangan agama dikemukakan secara objektif tanpa sebarang kritikan (Mirzo, 2025).

Berdasarkan penelitian pengkaji, terdapat beberapa bahagian perbincangan al-Shahrastani yang tidak menyatakan kesimpulan tentang ulasan sebaliknya, beliau menyerahkan kepada para pembaca untuk membuat kesimpulan sendiri berdasarkan pemahaman masing-masing. Pendekatan ini dilihat sebagai langkah selamat agar beliau tidak menyebelahi mana-mana kepercayaan agama atau akidah. Menurut Mirzo (2025), al-Shahrastani adalah seorang yang berpegang teguh kepada prinsip toleransi dalam agama kerana tidak pernah mengkritik penganut agama lain dalam karyanya. Dalam pendekatan ini, beliau tidak hanya menyenaraikan ciri-ciri luaran sesuatu mazhab dan kepercayaan agama mereka, sebaliknya menyelami struktur pemikiran dan dalaman kepercayaan tersebut. Pendekatan ini membolehkan Al-Milal wa Al-Nihal berfungsi sebagai sebuah ensiklopedia objektif yang turut mempengaruhi pemikiran manusia, serta menjadi rujukan utama dalam kajian perbandingan agama dari zaman kuno hingga ke moden hari ini.

Pendekatan Klasifikasi Penulisan Secara Sistematis

Pendekatan metodologi utama Imam al-Shahrastani terletak pada klasifikasi penulisan yang sangat sistematis. Perkara ini mencerminkan karakternya sebagai seorang yang teliti dan bijak dalam mengatur serta membuat keputusan. Beliau menyusun dan mengelaskan setiap perbahasan dan aliran kepada tema yang jelas, memudahkan para pembaca untuk memahami setiap huraian. Hal ini sejajar dengan penjelasan oleh Asy-Syahrastani et al. (2025) dan Abdupattaev (2026); karya Al-Milal wa Nihal berbeza daripada penulisan-penulisan terdahulu seperti Al-Farq bayn al-Firqah oleh Al-Baghdadi (1037 M), Al-Firqah al-Najiyah oleh Abu Al-Muzaffar Al-Isfarayini (1027 M), atau Maqalat al-Islamiyyin oleh Al-Asy'ari (936 M), kerana ia memperkenalkan maklumat agama dengan cara yang sistematis, tersusun dan terperinci.

Cara beliau menangani dan menyangkal perbahasan setiap mazhab juga dilihat konsisten dan sistematis. Kebanyakan perbahasan dan hujahnya berpanduan kepada ayat dan keterangan yang diambil secara langsung daripada Al-Quran. Menurut Sabjan dan Mat Akhir (2015), Imam al-Shahrastani tidak menolak sesuatu hujah atau isu yang dibahaskan tentang agama secara melulu; sebaliknya, beliau mengemukakan hujah yang jelas dan kukuh untuk menimbulkan keyakinan. Struktur kitab ini dibahagikan kepada tiga bahagian asas yang, jika diteliti, dilaksanakan oleh al-Shahrastani, iaitu melibatkan perbahasan tentang aliran dalam Islam, aliran pemikiran selain daripada agama Islam, ahli-ahli falsafah Islam, serta permasalahan yang timbul dalam aliran agama (Dain Yunta, 2024). Susunan struktur ini merupakan hasil daripada tradisi keilmuan Islam yang mementingkan susunan untuk menghasilkan karya ilmiah yang berwibawa.

Pendekatan Metod Menerusi Perbandingan Agama

Dalam beberapa penerangan dan perbahasan, beliau juga mengemukakan metod perbandingan agama dan tidak mengkritik pandangan yang mungkin berbeza. Ini kerana, pada permulaan karyanya, beliau telah melantik dirinya untuk memikul peranan menyampaikan pandangan yang ditemui dalam setiap mazhab tanpa sebarang manipulasi atau prejudis (Amir & Rahman, 2024). Sebagai contoh, al-Shahrastani membuat perbandingan antara mazhab, kepercayaan atau agama untuk mencari persamaan dan perbezaan yang berlaku dalam konteks agama (Haif et al., 2025). Analisis persamaan atau perbandingan antara agama akan memberikan pemahaman yang lebih mendalam kepada para pembaca.

Metod perbandingan ialah satu bentuk penghujahan terhadap agama lain (Mohd Faizal et al., 2015). Ilmu Perbandingan Agama harus diterapkan dengan teknik yang betul untuk membuka ruang yang lebih luas bagi menonjolkan akhlak yang baik untuk dicontohi, walaupun ajaran dan amalan setiap mazhab adalah berbeza. Perbandingan itu penting bagi mereka yang ingin mempelajari agama lain, agar mereka dapat menerima semua perbezaan dan menjelaskan kepercayaan mereka sendiri (Maulana et al., 2023). Al-Shahrastani, dalam karyanya Al-Milal wa Nihal, memberikan kemudahan kepada para pembaca untuk mempelajari agama lain. Ketiga-tiga pendekatan metodologi yang dikemukakan oleh al-Shahrastani ini memberi pengaruh yang signifikan terhadap pembentukan hubungan antara agama dalam masyarakat yang pelbagai kini.

Metodologi ini membuktikan bahawa keterbukaan dalam menerima ilmu daripada mazhab dan agama lain, penghormatan yang adil terhadap naratif yang dikemukakan, dan ketelitian dalam mengklasifikasikan maklumat adalah teras kepada kemajuan keilmuan Islam klasik. Model pendekatan metodologi al-Shahrastani sesuai dijadikan sebagai Standard Operating Procedure (SOP) dalam pembentukan hubungan antara agama yang harmoni pada masa kini. Karyanya

menegaskan bahawa untuk memahami kepelbagaian pemikiran manusia, prinsip toleransi dan keadilan adalah penting. Justeru, Al-Milal wa Al-Nihal bukan sekadar dokumen sejarah yang masyhur pada abad ke-12, tetapi juga sebuah pendekatan metodologi yang relevan untuk membina keharmonian sosial dalam masyarakat yang terdiri daripada pelbagai agama, budaya dan kepercayaan dalam konteks abad ke-21.

Sumbangan Kitab Al-Milal wa al-Nihal terhadap Pembentukan Hubungan Antara Agama Masyarakat

Karya agung al-Shahrastani, al-Milal wa al-Nihal, turut menyumbang pada pembentukan hubungan keagamaan dan falsafah masyarakat yang lebih harmoni. Empat aspek sumbangan yang berhasil dikenal pasti oleh pengkaji adalah:

Mengurangkan Intervensi Prasangka dan Salah Faham dalam Kalangan Penganut Pelbagai Agama

Maklumat komprehensif yang disampaikan oleh al-Shahrastani mengenai pelbagai aliran agama secara tidak langsung telah berjaya mengurangkan prasangka negatif yang timbul terhadap sesebuah agama. Penemuan ini konsisten dengan pandangan Mohd Faizal et al. (2015) bahawa al-Shahrastani memberikan penekanan teliti dalam setiap aspek pendefinisian pemikiran dan agama dalam karya beliau. Pendefinisian yang jelas turut menyumbang kepada pembinaan sikap hormat terhadap kepercayaan agama lain. Perbincangan tentang agama merupakan salah satu perbincangan penting dalam dunia akademik. Salah faham terhadap agama juga dikenal pasti sebagai salah satu penyumbang terbesar kepada pergolakan masyarakat antara agama pada masa kini. Kajian tentang agama-agama memerlukan penggunaan metodologi yang independen dan sistematik terhadap setiap agama, merangkumi aspek sejarah dan pendekatan yang digunakan (Ruslan & Rosana, 2020).

Mewujudkan Kerangka Toleransi Berasaskan Keilmuan

Metodologi ini turut menyumbang kepada kewujudan kerangka toleransi dalam keilmuan. Sebagai contoh, di Malaysia, walaupun Islam adalah agama rasmi, tiada paksaan dikenakan ke atas masyarakat keseluruhannya untuk memeluk Islam. Hal ini berlandaskan prinsip asas Islam yang melarang ancaman terhadap penganut agama lain bagi menerima sistem kepercayaan Islam secara paksa. Kebebasan beragama ini memperlihatkan sifat toleransi Islam terhadap tradisi agama yang berlainan. Berdasarkan Tuan Mohd Zawawi et al. (2022), mereka menyatakan bahawa Al-Milal wa Al-Nihal berusaha melengkapkan pembinaan identiti nasional sebagai mekanisme praktikal tanpa menjejaskan kehidupan etnik, kewarganegaraan, dan keagamaan masyarakat secara umum. Pendekatan objektif al-Shahrastani menawarkan teladan tentang bagaimana memahami keyakinan agama lain tanpa mengorbankan identiti sendiri (Asy-Shahrastani et al., 2025).

Mengembangkan Kerangka Komparatif Konstruktif untuk Perbandingan Agama

Kerangka komparatif terhadap agama dilaksanakan bukan bertujuan menonjolkan kelemahan yang dihadapi sesebuah agama, sebaliknya membolehkan masyarakat kontemporari menilai jurang persamaan dan perbezaan setiap agama secara ilmiah. Penggunaan teologi perbandingan sebagai kerangka memacu peningkatan pemahaman yang berakar umbi dalam tradisi kepercayaan asas agama tertentu, bagi meneroka pembelajaran daripada satu fasa kepada fasa yang lebih tinggi, seterusnya membangunkan dialog antara Islam dengan agama lain (Maulana et al., 2023). Kerangka ini wajar diaplikasikan dalam konteks masyarakat majmuk bagi mengekalkan keharmonian dalam setiap perhubungan antara agama. Ilmu perbandingan agama lahir daripada penelitian secara empirikal dan ilmiah sejak berabad-abad lamanya.

Kesimpulan

Tuntasnya, al-Shahrastani merupakan seorang sarjana dan intelektual Muslim yang serba boleh. Pendekatan yang dikemukakan dalam karyanya bertujuan untuk memantapkan hubungan antara Muslim dan bukan Muslim, serta menawarkan jalan penyelesaian bagi pelbagai permasalahan dalam masyarakat. Pendekatan deskriptif, penulisan sistematik, dan perbandingan menghasilkan analisis langsung pelbagai agama dan mazhab dalam kitab *Al-Milal wa al-Nihal* karya al-Shahrastani. Karya ini bukan sahaja penting dalam sejarah agama, bahkan turut memberikan sumbangan besar kepada pembentukan hubungan antara agama yang kukuh. Beberapa cadangan diusulkan kepada pihak berkepentingan seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), dan institut agama untuk terus mengekalkan serta menjadikan pendekatan metodologi al-Shahrastani menerusi kitab *Al-Milal wa al-Nihal* sebagai sumber rujukan utama dalam sebarang program berbentuk dialog antara agama. Ini kerana pendekatan metodologi dalam karyanya menggambarkan penyampaian keilmuan yang tepat dan analitikal, membolehkan para pembaca memahami konteks sejarah kemunculan serta perbincangan pelbagai mazhab dengan lebih baik. Kajian lanjutan turut dicadangkan kepada pengkaji akan datang untuk meneliti karya-karya lain al-Shahrastani seperti *Al-Iqtisad fi al-I'tiqad*, *Nihayah al-Iqdam fi 'Ilm al-Kalam*, dan sebagainya, bagi memperkukuh lagi pemahaman tentang pendekatan metodologi al-Shahrastani serta sumbangannya terhadap pembentukan hubungan antara agama yang komprehensif.

Penghargaan:	Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Teknologi MARA (UiTM) atas sokongan dan kemudahan yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan.
Penyataan Pembiayaan:	Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan.
Pernyataan Konflik Kepentingan:	Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
Pernyataan Etika:	Kajian ini tidak melibatkan sebarang responden manusia, haiwan, atau data sensitif yang memerlukan kelulusan etika. Penulis mengesahkan bahawa penyelidikan ini telah dijalankan selaras dengan prinsip integriti akademik dan piawaian etika penerbitan yang diterima umum.
Pernyataan Sumbangan Penulis:	Semua penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini dan semakan kritikal manuskrip.

Rujukan

- Abdupattaev, M. M. (2026). Methods used in studying the history of religions in “Al-Milal Wa’n-Nihal.” *International Journal of Artificial Intelligence*, 6(1), 841–846. <https://www.academicpublishers.org/journals/index.php/ijai>
- Amir, A. N., & Rahman, T. A. (2024). Tinjauan singkat pengalaman beragama dalam agama-agama semitik: Brief exposition of religious experience in Semitic religion. *RABBANICA - Journal of Revealed Knowledge*, 5(2), 167–184. <https://ejournals.kias.edu.my/index.php/rabbanica/article/view/336>
- Asy-Syahrastani, I. A. B. A., Al-Fatah, I. A., & Abdul Karim, M. (2025). *Peta keberagaman: Agama, madzhab dan pemikiran dunia terjemah kitab Al-Milal Wa An-Nihal* (U. Juhrocin, Trans.; pp. 1–450). Jim-Zam.
- Dain Yunta, M. Y. (2024). Kitab Ahl menurut Al-Shahrastani dalam bukunya al-Mila wa al-Nihal. *Al-Mau'izhoh*, 6(1), 774–788. <https://doi.org/10.31949/am.v6i1.9008>
- Haif, A., Ansar, A. L., Ibrahim, I., Sibghatullah, A., Syahfitri Kaharu, N. R., & Darmawan. (2025). The Relevance of Al-Syahrastani's Al-Milal wa Al-Nihal Methodology to Contemporary Islamic Historiography. *JUSPI (Jurnal Sejarah Peradaban Islam)*, 9(1), 172–181. <https://doi.org/10.30829/juspi.v9i1.24348>
- Latas, A. M. (2003). Perbandingan agama dalam pemikiran Muhammad bin Abdul Karim al Syahrastani - Digilib UIN Sunan Ampel Surabaya (Strata Satu (S1) Ilmu Ushuluddin; pp. 1–92). Institut Agama Islam Negeri Sunan Ampel Fakultas Ushuluddin Jurusan Perbandingan Agama Surabaya. http://digilib.uinsa.ac.id/79229/1/E02399112%20Abslantis%20Mirudi%20Latas_2003%20ok.pdf
- Latief, H. (2005). *Comparative religion in medieval Muslim literature* (1st ed., pp. 28–61). Indonesia: The Ministry of Religious Affairs.
- Maulana, A. M. R., Untung, S. H., Fuadi Nuriz, M. A., Awaludin, A., & Assakhyu Qorib, K. (2023). Shahrastani's exposition of Judaism in al-Milal wa al-Nihal in the light of comparative theology. *ULUMUNA: Journal of Islamic Studies*, 27(2), 794–822. <https://doi.org/10.20414/ujis.v27i2.570>
- Mirzo, A. M. (2025). Objectivity towards beliefs in the works of Imam Shahrastani. *Ethiopian International Journal of Multidisciplinary Research*, 12(5), 733–736.
- Mohd Faizal, A. K., Abdul Khir, M. F., & A. K, M. F. (2015). Metodologi Al-Shahrastani dalam Al-Milal Wa Al-Nihal. *Journal of Asian Islamic Higher Institutions (JAIHI)*, 1(1), 1–10.
- Mustafa, Ö. (2010). The Different stances of al-Shahrastānī – A Study of the sectarian identity of Abū l-Faṭḥ al-Shahrastānī in relation to his Qur'ānic commentary, *Mafātīḥ al-asrār – Ilahiyat Studies*, 1(1), 195–239. <https://doi.org/10.12730/13091719.2010.12.15>
- Ruslan, I., & Rosana, E. (2020). Pengaruh pemikiran Muhammad Abdul Karim Al-Syahrastani terhadap perkembangan studi agama-agama di Indonesia (Kajian Kitab Al-Milal Wa Al-Nihal). *Al-Adyan: Jurnal Studi Lintas Agama*, 15(1), 1–24. <https://doi.org/10.24042/ajsla.v15i1.5456>
- Sabjan, M. A. (2022). Cendekiawan heresiografi awal dalam perbandingan agama: Muhammad ‘Abd Al-Karim Al-Shahrastani dan Kitabnya, Al-Milal Wa Al-Nihal. *‘Abqari Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 26(1), 79–92. <https://doi.org/10.33102/abqari.vol26no1.403>
- Sabjan, M. A., & Mat Akhir, N. S. (2015). Early Christian sects and schisms in Al-Milal Wa Al-Nihal: A Study on Muḥammad ‘abd Al-Karīm Al-Shahrastānī. *TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World*, 8(1), 19–36. <https://doi.org/10.56389/tafhim.vol8no1.2>

- Tuan Mohd Zawawi, T. S. N. A., Md Zain, A. D., Wan Khairuldin, W. M. K. F., Embong, R., Ali, M. S., Shuhari, M. H., & Md Lateh @Junid, H. (2022). National identity construction in Malaysia based on Al-Shahrastani's proposition of tolerance in Al-Milal wa Al-Nihal. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 23(1), 193–204. <https://doi.org/10.37231/jimk.2022.23.1.661>
- Wan Razali, W. M. F. A. (2020, December). Pengenalan ringkas Kitab Al-Milal Wa Al-Nihal oleh Imam Al-Shahrastānī (479-548H / 1086-1158M). *AL – HIKMAH*, (8), 1–6.